

26 AUG 2002
Arshad-ISA/I
PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA PERTAHAN ISA M'SIA

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 26 Ogos (Bernama) -- Pesurujaya Tinggi Malaysia ke Australia, Mohd Arshad Hussain mempertahankan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) Malaysia semasa berucap pada majlis perhimpunan ahli perniagaan dan profesional di sini.

Beliau berkata ISA diperkenalkan oleh British untuk memerangi pengganas komunis di Malaysia. "Kini kami mempunyai bentuk keganasan yang lain, dalam negara dan antarabangsa, dan kami perlukan undang-undang ini lebih daripada sebelumnya," katanya.

"Kebanyakan rakyat Malaysia amat menghargai ketenteraman awam dan cintakan keamanan, keselamatan dan kemajuan ekonomi.

"Kami memerlukan undang-undang tegas bagi memastikan keselamatan dalam negeri, keamanan dan keharmonian terjamin. Sesetengah daripada undang-undang ini mungkin kelihatan kejam kepada orang asing, tetapi kebanyakan rakyat Malaysia menerimanya sebagai sesuatu yang penting demi undang-undang dan ketenteraman.

"Selepas serangan 11 Sept (di Amerika Syarikat), undang-undang tegas ini tidak kelihatan terlalu tegas. Penahanan bagi tujuan pencegahan dilihat bukanlah perkara yang terlalu buruk sebenarnya."

Kerajaan Australia merancang untuk memperkenalkan satu Rang Undang-undang di Parliamen untuk memberikan Australia sebuah badan risikan negara, Australian Security Intelligence Organisation (ASIO), serupa dengan ISA Malaysia.

Arshad, yang pertama kali melakukan lawatan rasmi ke Negeri Victoria, berkata rakyat Australia, terutamanya media dan kumpulan hak asasi manusia, sering berminat mempersoalkan proses demokrasi Malaysia dan pendekatannya terhadap kebebasan peribadi hanya kerana ianya tidak serupa dengan nilai-nilai Barat.

"Perlu diberi perhatian bahawa perbezaan itu tidak menjadikan Malaysia kurang demokrasi daripada negara lain," katanya.

Arshad juga memberi jaminan kepada penduduk Australia bahawa semuanya akan berjalan seperti biasa apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara lewat tahun depan. "Dr Mahathir akan memastikan semuanya berjalan lancar, termasuk penggantinya demi kelancaran pemerintahan negara. Tiada apa yang perlu dirisaukan," katanya.

Arshad, yang diiringi isterinya Tunku Suria Tunku Ismail, turut mengunjungi Gabenor Negeri Victoria, John Landy dan Perdana Menteri popular Steve Bracks. Beliau turut melawat beberapa universiti di sini, berucap pada Majlis Perniagaan Australia-Malaysia dan beramah mesra dengan pelajar Malaysia pada jamuan malam di Dewan Malaysia.

-- BERNAMA
NDC AHH RHM